

(KERTAS : /2021)



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

**KERTAS PENILAIAN UNTUK PERTIMBANGAN
JAWATANKUASA SEBUT HARGA 'B'**

TAJUK:
PERKHIDMATAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR BAGI PROJEK
e-SHARED PROSPERITY ORGANISATION (eSPO)

TEMPOH PROJEK:
MEI – JULAI 2021



LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA

TAJUK:

**PERKHIDMATAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR BAGI PROJEK
*e-SHARED PROSPERITY ORGANISATION (eSPO)***

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Laporan ini adalah bertujuan untuk semakan dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga B bagi perkhidmatan tenaga pengajar dan fasilitator bagi projek eSPO.

2.0 LATAR BELAKANG PROJEK

- 2.1 eSPO adalah platform dalam talian yang mengeluarkan sijil perakuan elektronik kepada organisasi yang mengamalkan Sistem Upah/Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS).
- 2.2 Statistik terkini yang dikongsikan oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR) hampir 90,000 organisasi di seluruh Malaysia mengamalkan PLWS. Oleh itu, dengan adanya platform eSPO, syarikat-syarikat ini harus didaftarkan dalam sistem dan diperakui. Pemegang taruh bersama adalah JPPM dan ILMIA telah membantu menyediakan data organisasi berikut. Namun begitu, data yang diterima adalah tidak lengkap.
- 2.3 Sehingga kini, aktiviti semasa yang dijalankan oleh Unit PLWS berjaya mendaftarkan lebih daripada 1,600 syarikat/ organisasi ke dalam platform eSPO.
- 2.4 Untuk meningkatkan lagi jumlah sijil perakuan eSPO kepada syarikat/ organisasi yang mengamalkan PLWS, latihan dan perundingan yang lebih meluas dan berterusan adalah sangat penting untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam mencapai visi kemakmuran bersama.

3.0 KAEDAH PENILAIAN TAWARAN

- 3.1 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga yang menilai tawaran-tawaran yang diterima adalah seperti berikut:
- (a) Pengerusi – Pn. Mazuin Dahlan
 - (b) Ahli 1 – En. Izzul Ikhwan Ishak
 - (c) Ahli 2 – Cik. Rabiatal Hana Ishak
- 3.2 Sebanyak 3 sebut harga telah dinilai berdasarkan dokumen sebut harga yang dikemukakan di mana 3 kriteria utama telah digunakan bagi meneliti tawaran perkhidmatan iaitu:
- (a) Kriteria 1: Memenuhi spesifikasi teknikal
 - (b) Kriteria 2: Harga yang ditawarkan terendah
 - (c) Kriteria 3: Pengalaman dalam bidang berkaitan

4.0 PENILAIAN SEBUT HARGA

4.1 Sejumlah 3 pembekal telah dihubungi dan mengemukakan sebut harga. Jawatankuasa telah meneliti dan menganalisa kesemua sebut harga dengan spesifikasi yang disediakan oleh pihak pembekal.

Jadual 1: Matriks Harga

SPESIFIKASI TEKNIKAL	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1. Memberi latihan berkenaan tiga (3) komponen utama <i>Productivity-Linked Wages System</i> (PLWS)	RM290.00 x 4 jam x 40 hari = RM 46,400.00	RM330.00 x 4 jam x 40 hari = RM 52,800.00	RM348.00 x 4 jam x 40 hari = RM 55,680.00
2. Menyelaras dan menyediakan laporan mingguan syarikat/ organisasi yang telah diberikan latihan dan diperakukan sijil eSPO	RM240.00 x 1 jam x 8 minggu = RM 1,920.00	N/A	RM200.00 x 1 jam x 8 minggu = RM 1,600.00
3. Jumlah organisasi/ syarikat yang diberi Latihan dan diperakukan sijil eSPO	2,000	2,000	2,000
4. Caj SST (6%)	Tidak Termasuk Caj SST	Tidak Termasuk Caj SST	Termasuk Caj SST
5. Bayaran Pendahuluan Projek	Tiada	Tiada	Ada
Jumlah Keseluruhan	RM48,320.00	RM52,800.00	RM57,280.00
SPESIFIKASI TAWARAN PERKHIDMATAN PAKAR BAGI PROJEK eSPO			
1. Memberi latihan berkenaan tiga (3) komponen utama <i>Productivity Linked Wages System</i> (PLWS)	√	√	√
2. Menyelaras maklumat syarikat/ organisasi yang diberikan melalui latihan kepada sesebuah syarikat/ organisasi.	√	√	√

4.2 Berdasarkan jadual matriks harga tersebut, harga tawaran terendah ialah RM50,000.00 dan harga tertinggi adalah RM58,000.00.

4.3 Kriteria pemilihan pembekal adalah seperti jadual 2

Jadual 2: Matriks Analisa

KRITERIA	PENYEBUT HARGA 1/3	PENYEBUT HARGA 2/3	PENYEBUT HARGA 3/3
1. Memenuhi spesifikasi	3	2	2
2. Harga terendah	3	1	1
3. Pengalaman dalam Latihan dan fasilitator	3	3	0
JUMLAH SKOR	9	6	3

Skor:**0 = Tiada rekod/ tidak menepati keperluan****1 = Tidak memenuhi spesifikasi****2 = Sederhana****3 = Memenuhi spesifikasi**

4.4 Berdasarkan jadual matriks analisa, skor terendah adalah penyebut harga 3/3 dan skor tertinggi adalah penyebut harga 1/3 yang mempunyai pengalaman dalam bidang Latihan dan fasilitator dan memenuhi spesifikasi serta menawarkan harga terendah.

5.0 CARTA PERBATUAN

<i>Aktiviti</i>	Mei 2021		Jun 2021				Julai 2021	
	M3	M4	M1	M2	M3	M4	M1	M2
Memberi latihan berkenaan tiga (3) komponen utama Productivity Linked Wages System (PLWS) yang terdapat di dalam sistem eSPO kepada syarikat/ organisasi secara dalam talian.								
Menyelaras maklumat syarikat/ organisasi yang diberikan melalui latihan kepada sesebuah syarikat/ organisasi.								

6.0 JADUAL PEMBAYARAN

Bayaran akan dibuat mengikut fasa seperti di bawah;

FASA	BAYARAN (RM)	TEMPOH
1 (25%)	12,080.00	1 - 2 MINGGU
2 (25%)	12,080.00	1 - 2 MINGGU
3 (25%)	12,080.00	1 - 2 MINGGU
4 (25%)	12,080.00	1 - 2 MINGGU

7.0 KEPUTUSAN DAN SYOR

Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut Harga 1/3 sebagai pembekal untuk perkhidmatan tenaga pengajar dan fasilitator bagi projek *e-Shared Prosperity Organisation* (eSPO) kerana menawarkan harga terendah, memenuhi spesifikasi yang diperlukan dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang latihan dan fasilitator.

Disediakan oleh:



.....
Nama: SITI SAKINAH MOHD ZAKI
Jawatan: PENOLONG PENGURUS
Tarikh: 3 MEI 2021

Disemak oleh:



.....
Nama: DR. SURIATI ZAINAL ABIDIN
Jawatan: PENGURUS KANAN
Tarikh: 3 MEI 2021

DISYORKAN OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Disyorkan:	Disyorkan:	Disyorkan:
		
Nama: MAZUIN DAHLAN Pengerusi JPH Tarikh: 4 MEI 2021	Nama: IZZUL IKHWAN ISHAK Ahli JPH Tarikh: 4 MEI 2021	Nama: RABIATUL HANA ISHAK Ahli JPH Tarikh: 4 MEI 2021
Komen/ cadangan: Disokong	Komen/ cadangan: Disokong	Komen/ cadangan: Disokong